

Bab I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Fitrah kejadian manusia sememangnya berbeza dengan makhluk lain di muka bumi ini. Manusia merupakan makhluk ciptaan Allah yang paling istimewa di dunia. Kelainan yang ada pada manusia ialah padanya dianugerahkan dengan sifat-sifat istimewa seperti fikiran, alat pertuturan dan bahasa pertuturan. Sememangnya manusia dilahirkan secara individu, namun mereka memerlukan pasangan dalam menjalani kehidupan. Kemudian dari sinilah mereka berkeluarga, bermasyarakat dan seterusnya bernegara. Dalam konteks ini bahasa memainkan peranan yang maha penting dalam kehidupan seseorang manusia.

Umat manusia sememangnya terdiri daripada pelbagai bangsa yang mempunyai penggunaan ragam bahasa yang berbeza. Bahasa merupakan lambang atau identiti sesebuah bangsa. Penggunaannya pula melewati pelbagai bidang aspek kehidupan seperti berinteraksi sesama sendiri, berpolitik, berurusniaga dan sebagainya. Bahasa dikatakan sebagai manifestasi atau cermin kepada sesuatu bangsa. Melalui penggunaan bahasalah kita akan dapat melihat dengan jelas gambaran sebenar sesuatu bangsa, misalnya aspek amalan budaya, cara hidup, persekitaran sosial dan sebagainya.

Edward Sapir (1915) dalam bukunya, *An Introduction to the Study of Speech* telah memberi definisi bahasa sebagai satu sistem lambang-lambang pertuturan yang digunakan oleh manusia secara arbitrari untuk menyampaikan fikiran dan perasaan. Manakala Bloomfield (1935) dalam bukunya, *Language* menyatakan bahawa apa yang dituturkan itu ialah bahasa. Jadi, dapatlah dikatakan bahawa bahasa berfungsi sebagai penghubung antara individu dengan individu lain atau seseorang dengan organisasi. Tegasnya mereka mengutarakan peranan bahasa untuk berkomunikasi. Justeru naluri dan tuntutan setiap individu sememangnya memerlukan bahasa untuk berkomunikasi dalam kehidupan mereka. Malah aspek ini menjadi satu kajian ilmiah yang menarik dalam bidang komunikasi, kemasyarakatan dan dunia pendidikan umumnya.

Dalam hal ini seorang tokoh bahasa tanah air, Abdullah Hassan (1987) mengatakan bahawa sememangnya bahasa manusia amat istimewa dan khusus sifatnya sebagai alat perhubungan antara individu dengan individu lain. Justeru beliau menambah lagi bahawa bahasa manusia bercirikan kreatif, arbitrari, bermakna, penyingkiran, keduaan pola, penyebaran dan saluran, maklumat balik serta pembelajaran dalam sesuatu kebudayaan. Menurutnya lagi, kesemua unsur tadi menjurus ke arah sifat bahasa sebagai alat perhubungan atau komunikasi.

Asmah Haji Omar (1986: 178) mengatakan bahawa bahasa merupakan satu wahana komunikasi yang paling berguna kepada manusia. Bahasa berfungsi sebagai penghubung yang baik antara seseorang dengan seseorang yang lain atau dengan organisasi lain. Melalui bahasa, manusia dapat melahirkan perasaan mereka seperti suka

dan duka, kehendak atau keinginan. Pada zaman dahulu orang purbakala menyampaikan maksud melalui isyarat, tetapi dengan terciptanya bahasa, mereka dapat berinteraksi antara satu sama lain dengan lebih akrab dan rapat lagi. Komunikasi kebahasaan antara manusia bertujuan untuk menyampaikan maksud. Dan maksud itu dikehendaki supaya difahami oleh penerima komunikasi itu tepat seperti yang dinyatakan oleh penyampainya. Demikian juga halnya dalam pernyataan fikiran dalam bahasa bertulis. Yang penting ialah maksud yang hendak disampaikan.

Setelah manusia berkembang maju dari segi peradaban, bahasa juga turut mengalami perkembangan. Ini kerana fungsi bahasa itu yang bersifat pelbagai. Misalnya bahasa dikatakan mempunyai fungsi berfikir antara peribadi (interpersonal) dan tekstual. Dalam fungsi berfikir, penuturnya, memberi pemaujudan dan melahirkan pendapat serta pandangannya tentang sesuatu hal atau perkara.

Menurut Asmah Haji Omar (1986:91) lagi, apabila bahasa menjalankan fungsi berfikir, penutur pula bertindak sebagai pemerhati dan penyerap apa yang sedang berlaku di sekelilingnya. Fungsi antara peribadi menunjukkan interaksinya dengan orang lain. Misalnya bahasa kanak-kanak mempunyai sifat meniru. Halus kasar atau baik buruknya bahasa kanak-kanak itu membayangkan halus kasar dan baik buruknya bahasa ibu bapa dan kaum keluarganya. Dari sinilah lahirnya berbagai ragam bahasa sama ada dalam pertuturan, lisan atau tulisan dalam memenuhi fungsinya.

Oleh itu bahasa sebagai satu wadah sudah mula digunakan dengan tertib. Kini, kesantunan bahasa diutamakan dan dituntut benar dalam masyarakat dunia memandangkan bahasa menjadi alat sosial yang amat mustahak untuk menjalinkan persahabatan dan hubungan sesama manusia di samping menyampaikan maksud.

Secara umumnya, komunikasi antara manusia berlangsung dalam pelbagai situasi, bidang dan bentuk. Namun kesemua aspek ini dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu komunikasi secara harmoni dan komunikasi secara tidak harmoni. Kedua-dua jenis komunikasi ini amat jelas bentuk perbezaannya. Aspek ini bergantung pula kepada beberapa faktor, misalnya isu yang dibincangkan, pasangan komunikasi, situasi, tempat dan sebagainya. Namun demikian, komunikasi ini berlangsung bergantung kepada kebolehan dan kecekapan berbahasa yang merujuk kepada pemahaman antara mereka. Hal ini amat bertepatan dengan apa yang disarankan oleh Widdowson (1979: 1) menyatakan;

Someone knowing a language knows more than how to understand, speak, read and write sentences. He also knows how sentences are used to communicative effect

(Zulkifeli Hamid 1996: 2)

Jadi, untuk mendapat komunikasi yang berkesan ia bergantung kepada aspek pemahaman para pengguna bahasa yang mencakupi amalan budaya, persekitaran sosial, situasi berbahasa, laras bahasa dan seumpamanya. Colin Cherry (1957) dalam bukunya, *On Human Communication* dalam Ismail Jusoh (1990: 535) mendefinisikan komunikasi sebagai satu proses apabila peserta (penutur-pendengar) secara bersama menggunakan

maklumat untuk memahami tajuk atau masalah yang sedang mereka hadapi. Hasil pertukaran maklumat ini, berlakulah rangsangan dan tindakan antara penutur-pendengar ini.

Tegasnya, dalam berkomunikasi proses yang mustahak ialah memahami makna pertuturan. Ini kerana komunikasi adalah penyuaran perasaan dan tindakan terhadap perasaan itu. Jadi, sesuatu komunikasi itu akan berjaya sekiranya mesej difahami dengan baik serta mendapat tindak balas yang baik juga.

Mengikut Ainon Muhammad (1985) manusia menggunakan bahasa itu untuk berkomunikasi. Faktor utama ketika berkomunikasi ialah maklumat atau idea yang hendak disampaikan oleh penutur kepada pendengar. Dalam hal ini, bahasalah yang menjadi penghubung antara penutur dengan pendengar. Sehubungan itu, Asmah Haji Omar (1986:2) mengatakan bahawa terdapat dua aliran fikiran yang berkaitan dengan bahasa dan alam nyata. Pertama, beliau berpendapat bahawa bahasa mencerminkan alam nyata, manakala yang kedua pula, bahasalah yang akan mewujudkan pemahaman tentang alam nyata.

Dalam hal ini jelas terbukti bahawa ada semacam pertautan atau kaitan antara bahasa dan budaya. Asmah Haji Omar (1987) dalam bukunya, *Malay in its Sociocultural Context* menyatakan bahawa bahasa itu sebahagian daripada kebudayaan. Bahasa mencerminkan kebudayaan penuturnya, kehidupan dan alam sekitarnya.

Perbendaharaan kata penutur itu melambangkan kebudayaannya. Bahasa boleh memperkenalkan pandangan alam (*weltanschauung*) penuturnya juga.

Seperti unsur kebudayaan yang lain, bahasa juga diwarisi dan diperturunkan oleh generasi tua kepada generasi muda. Selain menguasai budaya, individu ahli masyarakat itu juga menguasai bahasa. Bahasa ini digunakan pula untuk berkomunikasi hal-hal yang berkaitan dengan politik, alam sekitar, sejarah, etika, nilai, makanan, minuman, pakaian, pendidikan anak-anak dan sebagainya. Perbincangan aspek ini akan menjadi hidup, mudah dan subur dengan wujudnya bahasa.

Bahasa dan budaya juga turut membentuk sikap, nilai, tingkah laku, akhlak dan corak sesuatu masyarakat. Dengan adanya bahasa, memudahkan segala aktiviti kebudayaan sesuatu masyarakat itu. Ia menekankan bahawa bahasa itu mencerminkan kebudayaan sesuatu masyarakat. Tegasnya, kita dapat mengetahui bagaimana masyarakat itu menilai dan melihat dunia, melihat *weltanschauung* (world-view) sesuatu masyarakat melalui bahasa. Dengan kata lain, bahasa adalah lambang *weltanschauung* (world-view) sesuatu masyarakat.

John B. Carroll (1963) dalam bukunya, *The Study of Language* mengatakan bahawa bahasa itu adalah salah satu cabang kebudayaan, malah katanya lagi, aspek penting kebudayaan ialah bahasa. Bahasa menunjukkan beberapa perkara tentang kebudayaan, misalnya kawasan kebudayaan, difusi kebudayaan dan kata-kata budaya yang dipinjam. Oleh itu, sekiranya seseorang yang ingin mengetahui serta menyelidik

sesuatu masyarakat, maka beliau perlu mengkaji bahasa dan kebudayaan masyarakat itu sekaligus. Dalam konteks dunia berbahasa Melayu dan kebudayaan Melayu, orang yang berbudi bahasa diberi nilai yang tinggi. Hal ini amat bertepatan dengan pendapat Ahmad Juhari Moain (1989:17) yang mengatakan, "Sebab bahasa menunjukkan bangsa".

Claude Shannon dan Warren Weaver (1949) mendefinisikan komunikasi sebagai mencakupi semua prosedur melalui fikiran seseorang dan dapat mempengaruhi orang lain. Komunikasi dikatakan sebagai unsur kontrol sosial di mana seseorang itu cuba mempengaruhi atau berusaha mempengaruhi perilaku, keyakinan, sikap dan sebagainya di dalam satu suasana sosial. Berelson dan Steiner (1964) pula menyatakan komunikasi sebagai penyampaian informasi, idea, emosi, ketrampilan dan seterusnya melalui penggunaan perilaku, gambar, angka, grafik dan sebagainya.

Jelaslah kepada kita bahawa komunikasi yang digunakan oleh manusia itu merupakan proses pemindahan perkongsian maklumat di antara penghantar atau sumber kepada penerima atau pasangan komunikasi tersebut. Perkongsian dan pemindahan maklumat ini berlaku melalui penggunaan bahasa dan juga bukan bahasa (non-verbal). Setelah kita melihat pengertian bahasa, komunikasi dan kaitan antara bahasa dan budaya, kini kita tinjau pula situasi komunikasi yang berlangsung secara harmoni. Komunikasi seumpama ini sepastinya memerlukan konsep dan nilai-nilai murni sesuatu masyarakat. Umpamanya nilai berbudi bahasa, beradab, bersopan, bermaruah, tinggi pekerti, hormat-menghormati dan sebagainya yang menjadi tumpuan penulis dalam kajian ini.

Pragmatik merupakan satu bidang kajian mengenai penggunaan bahasa. Cara sesuatu bahasa itu digunakan berkaitan pula dengan konsep makna seperti meneliti bahasa yang digunakan dalam konteks sebenar (konteks menentukan makna yang disampaikan). Ini bererti pragmatik merupakan kajian perhubungan antara bahasa dari konteks yang mempunyai nahu yang diencode dalam struktur sesuatu bahasa. Dengan kata lain, bidang ini merupakan satu kajian terhadap peranan pertuturan, penggunaan dan maknanya. Ini termasuklah cara sesuatu bahasa itu digunakan dalam berbagai konteks dan cara bertutur yang bersesuaian dengan konteks tersebut.

Sehubungan itu, dalam kajian ini penulis akan menganalisis aspek kesantunan berdasarkan ujaran perbualan dalam keluarga Melayu. Hal ini dilakukan atas kesedaran dan keinsafan setelah mendengar, melihat dan membaca ucapan serta keluhan beberapa tokoh sama ada pemimpin negara serta tokoh akademik yang dibuat melalui media elektronik dan media cetak tentang keruntuhannya akhlak, kesopanan, kesusilaan dan tatatertib amnya dan budi bahasa khasnya. Penulis akan mengkaji dan mendedahkan sejauh manakah penghayatan dan amalan nilai berbudi bahasa di kalangan masyarakat penutur berbangsa Melayu kini. Apakah amalan dan penghayatan terhadapnya masih tebal atau kian luntur dan pudar seiring dengan perkembangan zaman kini.

Huraian di atas memberi gambaran kepada kita bagaimana bahasa itu menjadi suatu aspek penting bagi melambangkan kehalusan budi dan kesopanan serta tingkah laku penutur atau masyarakat yang menuturkan sesuatu bahasa. Atas dasar inilah penutur bahasa Melayu sering menuturkan bahasa Melayu dengan penuh kesantunan.

Penutur yang melanggar tatususila atau kasar berbahasa dianggap sebagai orang yang biadab dan tidak bersopan. Aspek lain juga perlu diambil kira seperti sikap, pengetahuan, latar belakang terhadap sesuatu tajuk perbualan, faktor non-lingistik dan sebagainya. Ini kerana ilmu atau bidang pragmatik menjadi pelengkap kepada infrens semantik (kajian tentang makna).

Salah satu cabang ilmu pragmatik ialah aspek kesantunan. Geoffrey Leech (1983) telah memperkenalkan satu konsep yang dikenali sebagai maksim santun dalam kajiannya terhadap bidang pragmatik untuk mendapatkan makna yang hakiki dalam sesuatu ujaran. Penulis akan cuba mengkaji aspek kesantunan yang terdapat dalam perbualan orang-orang Melayu. Kajian akan dibuat berdasarkan kerja lapangan iaitu pemerhatian terhadap perbualan dalam keluarga Melayu. Ini kerana orang Melayu sememangnya terkenal dengan kesantunan dan tinggi nilai budi pekertinya. Kita akan melihat dengan lebih jauh lagi tentang huraihan berkenaan dengan konsep santun dan kategori maksim yang terkandung mengikut prinsip kesantunan yang dikemukakan oleh Leech di bab yang berikutnya.

1.1 Kerangka Teoritis

Izani Haji Daud (1998: 56-57) menyatakan bahawa aspek kesantunan memang sudah menjadi identiti atau keperibadian orang Melayu. Hal ini tidak dapat dinafikan lagi apabila kita melihat seluruh cara hidup orang Melayu yang penuh dengan

penghormatan, tuturkata lembut, berbudi bahasa dan bersopan-santun dan ciri-ciri terpuji diamalkan. Pengamalan nilai murni sudah menyebati dalam diri orang-orang Melayu.

Sesungguhnya bangsa Melayu terkenal dengan ketinggian nilai budi pekertinya. Mereka berkomunikasi, berurusani, memberi nasihat dan sebagainya dengan cara yang amat sopan dan beretika. Seseorang itu dianggap sebagai biadab, tidak berbudi bahasa dan kurang ajar seandainya melakukan sesuatu perkara di luar daripada batas-batas adab kesopanan masyarakat Melayu. Pemikiran dan emosi mereka cukup sensitif terhadap sesuatu isu, hal dan peristiwa, terutama yang berkaitan dengan agama dan kekeluargaan.

Misalnya, kita seringkali mendengar ungkapan seperti, *Biar kita miskin rupa dan harta tetapi kaya dengan budi bahasa*. Menurut amalan dan ikutan orang-orang Melayu, harta, pangkat dan rupa tidak kekal lama tetapi yang abadi ialah budi bahasa. Pada mereka, yang disanjung dan dimuliakan ialah budi bahasa seseorang, bukannya pangkat atau harta. Ini meliputi adab, kesopanan, kesantunan yang memanifestasikan keluhuran perasaan dan tindakan seseorang. Bagi membuktikan betapa masyarakat Melayu mengutamakan unsur ketinggian budi, adab sopan ini, kita dapat lihat dalam pantun berikut;

*Tegak rumah kerana sendi,
Timun Bali dimakan pahit,
Sendi bangsa ialah budi,
runtuh budi runruhlah bangsa.*

(Mustaffa Haji Daud, 1995: 5)

Apabila kita meneliti, memahami dan menghayati percakapan orang-orang Melayu, ada semacam kelembutan yang terpancar dari tutur kata mereka. Inilah sebenarnya apa yang dikatakan sebagai falsafah atau pandangan dunia (world-view) masyarakat Melayu yang terkenal dengan akal budi yang tinggi, berbudi pekerti mulia, beradab sopan dan sebagainya. Sehubungan itu, Marzukhi Nyak Abdullah (1993: 226-227) menyatakan bahawa dalam bahasa Melayu, bagi orang yang mengambil berat tentang bahasanya, pemilihan kata dibuat atas beberapa pertimbangan umpamanya, dia tahu dengan jelas latar belakang perkataan yang digunakan itu sesuai dengan konteks, secocok dengan latar komunikasi, kod yang digunakan dapat diterima oleh pihak yang terlibat atau peserta dan sebagainya.

Menurut Za'ba (1960), bahasa Melayu merupakan ungkapan bahasa yang istimewa dan mampu menyesuaikan diri dengan situasi yang wujud dalam masyarakat. Sebagai masyarakat yang sering berinteraksi dalam kelompok yang berbeza, sudah pasti hubungan kemanusiaan yang harmoni diperlukan. Ertinya bahasa Melayu merupakan bahasa yang unggul kerana meletakkan taraf seseorang pada kedudukan yang sesuai dengan darjat kedudukan, kuasa, umur dan sebagainya.

Dell Hymes (1984) dalam kajiannya terhadap bahasa dan etnografi pertuturan telah menerangkan cara setiap anggota masyarakat dalam komunitinya memulakan sesuatu perbualan. Misalnya bila masa yang sesuai untuk bercakap, apakah kod yang sesuai digunakan di dalam sesuatu masa atau tempat tertentu. Sehubungan itu beliau telah menggariskan beberapa cadangan kepada setiap ahli dalam sesebuah masyarakat

perlu mengambil kira aspek seperti komuniti bahasa, situasi pertuturan, lakuhan bahasa, peristiwa bahasa, kefasihan pertuturan, fungsi-fungsi pertuturan dan sebagainya.

Sesungguhnya pendapat Hymes tadi amat bertepatan dengan amalan budaya masyarakat Melayu yang begitu peka terhadap pertuturan atau percakapan seseorang. Justeru pepatah Melayu yang berbunyi; *cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar*. Pepatah ini menunjukkan betapa orang-orang Melayu begitu teliti dan berhati-hati ketika bercakap. Dengan lain perkataan, pepatah ini menjurus kepada seseorang itu mesti sopan dan teliti ketika bercakap.

Dalam sesuatu masyarakat penutur yang sama, ahli-ahli berkongsi menggunakan bahasa dan juga menggunakan pengetahuan dari segi perlakuan pengucapan yang sesuai mengikut berbagai-bagai tempat dalam kehidupan seharian. Pengetahuan telah dikongsi bersama dari segi sistem formal, sistem tatabahasa dan juga nilai norma yang sesuai. Struktur bahasa tersebut dan gaya serta penggunaan bahasa yang berhubung kait dengan tingkah laku di mana halangan berkomunikasi dan juga pilihan-pilihan yang digunakan untuk bercakap ditentukan oleh beberapa situasi tersebut. Mereka berkongsi menggunakan cara percakapan yang sama dan faham apa yang diucapkan secara sedar atau pun tidak.

Pengucapan ini juga ditentukan oleh kekerapan berhubung dan jaringan perhubungan. Sempadan komuniti penutur ini selalunya bertembung dengan faktor unit sosial yang lebih besar seperti negara, kaum atau puak, agama, kumpulan etnik dan

sebagainya. Ini bererti penggunaan laras bahasa dalam sesuatu pertuturan bergantung atau ditentukan oleh sistem nilai masyarakat terbabit. Umpamanya apabila mahu memulakan percakapan, penutur mesti mempunyai pilihan-pilihan tertentu. Ini bergantung pula kepada bagaimana hendak menamakan pendengar (dengan siapa beliau bermakna dia merupakan penutur yang melanggar prinsip, atau dengan kata lain dia adalah penutur yang biadab).

Jadi, jelaslah bahawa seseorang penutur dalam komunitinya, mesti mengklasifikasikan penggunaan bahasa bergantung kepada faktor hubungan kekeluargaan, posisi sosial dan umur. Pendengar akan memerhatikan pilihan perkataan yang digunakan oleh penutur. Menjadi satu kesalahan jika undang-undang dan peraturan nilai atau norma sesuatu bahasa salah digunakan. Kajian seumpama ini juga dikenali dengan kajian struktur makna sosial. Ini kerana cara bertutur menggambarkan nilai sosial bahasa sesuatu komuniti dan juga sebagai tanda identiti sosial sesuatu masyarakat.

Pilihan sesuatu laras bahasa, sistem panggilan atau sebagainya dapat menunjukkan perasaan seseorang terhadap pasangan penuturnya. Misalnya kita dapat melihat hubungan rapat atau intim dan akrab, jauh, kemesraan, kuasa, hormat dan lain-lainnya melalui penggunaan laras bahasa dalam sesuatu pertuturan. Melalui penggunaan itu juga kita dapat gambaran jelas tentang tujuan pertuturan, hubungan antara penutur-pendengar dan sebagainya. Apa yang jelas di sini ialah, setiap penutur semacam ada satu tanggungjawab sosial iaitu memastikan keberkesanan komunikasi

mereka agar mereka tidak disisihkan atau dipencarkan oleh komuniti mereka. Penutur seumpama ini tidak mahu dilabelkan sebagai penutur yang biadab.

Umpamanya bercakap dengan suara nyaring walaupun pasangannya duduk berdekatan sangat tidak diingini dan dianggap sebagai biadab dalam masyarakat Melayu. Malah perbuatan menyapa tanpa tentu sebab, tanpa alasan terhadap orang yang tidak dikenali juga tidak diingini. Berbual secara berhadapan dengan tangan berkeliaran menggapai hingga mencecah muka teman adalah perbuatan yang tidak sopan, sekaligus mereka dianggap kurang ajar dan buruk kelakuan.

Tegasnya di sini, kita tidak dapat memisahkan orang-orang Melayu dengan kehalusan budi pekerti yang dilakukan baik perbuatan mahu pun pertuturan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Misalnya dalam sistem panggilan, mereka selalu menggunakan gantinama untuk memanggil seseorang seperti along, angah, acik dengan merujuk kepada panggilan terhadap anak-anak. Ibu bapa jarang sekali memanggil anak mereka dengan panggilan nama, sebaliknya sedaya mungkin akan menggunakan gantinama seperti tadi atau setidak-tidaknya dengan nama singkatan pada awal nama atau akhir nama seperti Lan (Roslan), Yah (Zawiyah) dan sebagainya.

Searle (1969) yang membicarakan teori lakuhan bahasa (speech act theory) telah mengemukakan pandangan bahawa ujaran-ujaran sangat berguna dianalisis sebagai satu aksi sosial yang berunsur kovenisional. Grice (1967) pula telah memperkenalkan suatu prinsip yang dikenali dengan Prinsip Kerjasama Umum (Cooperative Principle) dalam

membicarakan soal hubungan percakapan seseorang. Teori ini menjelaskan bahawa di dalam komunikasi, tidak hanya bertumpu kepada bagaimana penutur menggunakan ayat-ayat di dalam sesuatu bahasa bagi menyampaikan maksud, tetapi bagaimana mereka berjaya menyampaikan maklumat yang tidak dinyatakan dengan jelas di dalam sesuatu ayat.

Sehubungan itu Grice telah memperkenalkan empat maksim asas bagi menghuraikan Prinsip Kerjasama iaitu maksim kuantiti (keterangan), maksim kualiti (kebenaran), maksim relevan (hubungan) dan maksim cara (kelakuan). Namun begitu idea dan pegangan Grice telah dikritik hebat oleh sarjana bahasa yang lain. Antaranya Rob A. Van Der Sant (1988) dalam Tan Mek Leng (1994: 13) yang berpendapat bahawa teori Grice hanya dapat membezakan apa yang dinyatakan tetapi tidak apa yang hendak disampaikan. Ini kerana teori Grice tidak menekankan kreteria untuk membezakan dua jenis penerangan yang berlainan. Menurut Sant lagi, apa yang hendak disampaikan mengandungi makna yang berbeza di dalam keadaan tertentu.

Burton (1980) pula mendapati bahawa di dalam perbualan kadang kala tidak semua perlu diberitahu kepada seseorang. Contohnya dalam perbualan harian, kita tidak perlu memberitahu seseorang apa yang sudah diketahui. Di dalam jenaka contohnya, seseorang tidak perlu mengetahui maklumat selanjutnya. Jika pendengar sudah mengetahui tujuan sebenar penutur, matlamat penutur tidak akan berjaya. Dengan sebab itu, penutur perlu melanggar maksim kualiti dengan mengatakan sesuatu yang tidak benar.

Cohen (1972) dan Keifer (1979) pula mengatakan bahawa maksim yang dipopularkan oleh Grice tidak spesifik, samar dan tidak berdasarkan kepada konteks masyarakat di Malaysia, terutama sekali di kalangan penutur bahasa Melayu.

Dalam kajian ini penulis akan menekankan bahawa faktor konteks amat penting dalam menentukan aturan sesuatu pertuturan. Begitu juga faktor budaya yang mempengaruhi ciri-ciri perbualan dalam sesuatu masyarakat, khususnya kesantunan bahasa merupakan satu faktor penting dalam budaya masyarakat Melayu. Faktor inilah yang menentukan pertuturan seseorang individu di mana sikap tidak berterus terang merupakan salah satu daripada aturan yang harus dipatuhi agar tidak dianggap kurang sopan, tidak beradab atau kurang ajar. Kemungkinan juga tujuan penutur dan sikap penutur yang menentukan ciri-ciri kerjasama di dalam sesuatu perbualan, sama ada dia sengaja berbuat demikian bertujuan untuk berjenaka atau menyindir.

Asmah Haji Omar (1986: 178) telah menyatakan bahawa dalam budaya Melayu, maksud sesuatu ujaran itu memang sengaja disampaikan secara tidak langsung. Misalnya ketika upacara meminang anak dera, menegur, menasihat dan melarang anak, memuji kecantikan atau kepandaian anak gadis dan sebagainya. Semuanya dilakukan dengan menyembunyikan maksud secara langsung. Penyampaian maksud secara langsung merupakan sesuatu yang luar biasa dalam budaya Melayu dan dianggap sebagai biadab.

Dalam hal ini, Geoffrey Leech (1983: xii) telah menyatakan bahawa ilmu pragmatik mesti diambil kira dalam linguistik khususnya dalam kajian tentang makna bahasa kerana pada dasarnya pragmatik bersifat peka-matlamat dan bersifat menilai. Menurutnya lagi, nahu dan pragmatik adalah dua bidang yang saling melengkapi dalam linguistik yang melahirkan dua pandangan tentang makna iaitu pandangan semantik dan pandangan pragmatik. Beliau telah mendakwa bahawa Prinsip Kerjasama Umum yang dipopularkan oleh Grice yang mengandungi empat maksim tadi belum lengkap. Justeru beliau telah memperkenalkan satu lagi prinsip iaitu Prinsip Kesopanan bagi mengatasi dan melengkapkan teori Grice dalam membicarakan aspek komunikasi, iaitu bagi mendapat makna yang hakiki. Sesungguhnya Prinsip Kesopanan ciptaan Leech ini bukan sahaja dapat mengawal hubungan kerjasama antara penutur dengan pendengar, malah dapat mengatasi masalah kebiadapan salah seorang dari pasangan penutur yang sekaligus akan menghilangkan kemesraan kedua-dua pihak.

Hasilnya beliau telah memperkenalkan beberapa maksim dalam prinsipiannya iaitu maksim santun, maksim kedermawan, maksim sokongan, maksim rendah hati, maksim persetujuan dan juga maksim simpati. Huraian mengenai kategori maksim ini akan menyusul dalam perbincangan di bab seterusnya. Aspek kesopanan ini amat perlu dalam pertuturan kerana makna bahasa yang hendak disampaikan dilandaskan kepada undang-undang saling berkongsi pengalaman. Dengan ini komunikasi sesama mereka akan berkesan. Kajian ini bertitik tolak dari melihat unsur kesantunan berbahasa dalam perbualan keluarga Melayu.

1.2 Pernyataan Masalah

Sejak akhir-akhir ini masalah keruntuhan akhlak yang melanda masyarakat terutamanya para remaja merupakan gejala yang agak serius dan perlu dibendung segera. Antaranya ialah sikap liar (vandalisme), biadab tingkah laku dan kasar tutur kata. Banyak pihak, termasuklah pemimpin negara, tokoh akademik, pemimpin masyarakat membicarakan betapa gawatnya fenomena ini dan kesannya nanti kepada negara. Kesopanan dan kesusilaan kian terhakis pada diri mereka. Lantaran itu berlakulah perlanggaran tata tertib, hilangnya budi pekerti dan amalan mulia yang selama ini menjadi kebanggaan orang-orang Melayu.

Sedangkan peradaban Melayu yang diwarisi dan diperkuuhkan lagi oleh tamadun Islam sejak dahulu memperjuangkan dan mempertahankan penghayatan dan amalan berbudi bahasa yang mulia, terpuji, luhur, murni dan bersopan santun.

Hal ini amat tepat seperti yang diutarakan oleh Mustafa Haji Daud (1995) yang telah mengatakan;

Perkembangan dan pencapaian dalam bidang ilmu pengetahuan, sains, teknologi dan dakwah Islamiah kian terserlah menjelang tahun 1980-an dan 1990-an. Akan tetapi penghayatan dan amalan berbudi bahasa kian luntur dan pudar khasnya generasi muda. Sedangkan perbendaharaan tamadun Melayu yang diwarisi dan diperkuuhkan lagi oleh tamadun Islam sejak dahulu memperjuangkan dan mempertahankan penghayatan dan amalan berbudi bahasa yang mulia, terpuji, luhur, murni dan bersopan santun.

(Mustafa Haji Daud, 1995: ix)

Sedangkan golongan inilah nanti akan menjadi pewaris bangsa, penentu arah kepemimpinan negara di masa-masa yang akan datang. Menyedari hakikat inilah semua lapisan masyarakat semestinya bertanggungjawab menangani masalah ini agar tidak terus berleluasa. Kini memang banyak pihak yang telah banyak mengeluarkan keluhan, kritikan dan segala macam bentuk pendapat mengenai betapa gawatnya masalah salah laku, akhlak buruk, moral yang rendah dan sebagainya. Semua ini melingkari aspek ketidaksopanan atau hilangnya budi pekerti yang mulia di kalangan mereka.

Melalui kajian ini, penulis akan mengupas dan menganalisis secara mendalam tentang perbualan dalam keluarga Melayu guna untuk melihat dan meninjau aspek kesopanan yang terdapat di dalamnya, mengikut pandangan ilmu pragmatik. Landasan ini amat sesuai kerana kesopanan merupakan aspek yang berkaitan dengan budaya pembicara dan penerima. Kajian bahasa yang lain seperti linguistik deskriptif dan kecekapan berbahasa tidak menekankan aspek budaya, sedangkan hal ini amat berbeza dengan ilmu pragmatik yang begitu menekankan aspek budaya. Ertinya, cara sesuatu bahasa itu digunakan dan cara hidup masyarakat penggunanya merupakan dua aspek yang saling bertautan dalam meneliti makna bahasa yang digunakan oleh manusia.

Ini kerana apabila seseorang itu menggunakan bahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan, selalunya mereka memilih linguistik yang tepat, sama ada secara sedar atau tidak. Pemilihan ini meliputi aspek fonologi, morfologi, sintaksis, leksikal, semantik dan sebagainya. Pemilihan ini juga melibatkan fungsi sosial. Dari sinilah penulis cuba melihat dari aspek pragmatik, iaitu memperlihatkan bagaimana pragmatik

dapat melahirkan satu kajian tentang mekanisma di sebalik pemilihan tersebut, khusus untuk melihat aspek kesopanan yang terdapat dalam perbualan. Ini amat bertepatan dengan pendapat Geoffrey Leech (1993) yang mengatakan;

"Kita tidak boleh memahami sebenarnya sifat bahasa itu sendiri, jika kita tidak memahami pragmatik: bagaimana bahasa digunakan dalam komunikasi." (Leech 1993:1).

Pendapat Leech amat tepat dan jelas kerana kajian linguistik lain tidak mementingkan aspek budaya. Jadi, jika kajian tentang bahasa dalam komunikasi yang berlandaskan ilmu pragmatik, kita pasti dapat memahami dengan lebih mendalam. Misalnya untuk mengkaji aspek kesantunan dan kesopanan sesuatu bangsa melalui pertuturan ahlinya.

Melalui kajian ini penulis berharap dapat mengimbau kembali betapa orang Melayu suatu ketika dahulu terkenal dengan budi pekerti yang tinggi, mempunyai pemikiran dan sikap yang menampakkan ketinggian nilai budi bahasanya. Biarpun kini semacam ada sesuatu yang menganggu dan mengugat ketinggian nilai budi di kalangan orang-orang Melayu, namun melalui kajian ini dapatlah dilihat bahawa amalan mulia ini masih diamalkan di kalangan masyarakat Melayu.

Adalah diharapkan kajian ini nanti akan dapat mengesan sifat, sikap, sistem nilai, world-view masyarakat Melayu yang diberi tumpuan khas kepada aspek sopan santun, khususnya kajian terhadap perbualan di kalangan mereka. Dari sinilah akan terpancar suatu bukti betapa masyarakat Melayu sememangnya mempunyai amalan bersopan-santun dan berbudi pekerti yang mulia dan disanjung tinggi. Amalan mulia di

kalangan orang-orang Melayu ini cuba ditampilkan kembali untuk tatapan dan renungan generasi yang mendarat agar budaya ini tidak dipinggirkan oleh mereka suatu hari nanti. Apa yang diharapkan biarlah warisan mulia ini terus subur mewarnai kehidupan masyarakat Melayu di sepanjang zaman. Semoga kalimat tokoh lagenda Melayu terkenal, Hang Tuah yang mengatakan; *Tak Melayu hilang di dunia* terus gah, unggul dan kekal untuk selama-lamanya.

Budaya sopan yang cuba dikupas dari kajian terhadap perbualan dalam keluarga Melayu ini sesungguhnya akan dapat membantu generasi akan datang khususnya para pelajar, pendidik serta pecinta bahasa tentang aspek budi pekerti, sikap dan pemikiran masyarakat Melayu. Semoga kajian seumpama ini terus dilakukan di masa-masa yang akan datang.

Sesungguhnya masyarakat Melayu terkenal dengan hidup secara berharmoni. Mereka menjalani kehidupan dengan penuh sederhana, tenang harmoni dan berada dalam ruang lingkup kesopanan, terutama kesopanan dalam berbahasa. Ini terpancar sewaktu mereka menyapa, memberi nasihat, menggunakan sistem panggilan yang sopan dan sebagainya. Jadi, amalan seumpama ini perlu didedahkan kepada generasi baru khususnya para pelajar yang sememangnya masih dangkal tentang nilai dan budi. Unsur yang terkandung dalam sesuatu bahasa dan cara unsur bahasa itu digunakan juga menggambarkan corak kehidupan lahiriah dan weltanschauung (world-view) para penggunanya. Ini bermakna bahasa Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai wahana

komunikasi masyarakat Melayu tetapi juga berfungsi sebagai gambaran atau cermin kepada corak kehidupan lahiriah dan "world-view" masyarakat Melayu.

Sehubungan itu, masyarakat Melayu sememangnya halus budi bahasanya yang sekali gus menggambarkan bahawa masyarakat Melayu mementingkan aspek budi, nilai bahasa dan segala macam tingkah laku yang menjurus ke arah kebaikan dan kemuliaan. Ertinya, masyarakat Melayu memberi sanjungan tinggi dan taraf kemuliaan kepada anggota masyarakatnya yang tinggi budi pekerti dan baik akhlaknya.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini akan tersusun untuk menepati objektif berikut:

- i. Meneliti dan mengenalpasti ciri-ciri kesopanan di dalam budaya masyarakat Melayu.
- ii. Menganalisis bahasa dan pengucapan di dalam perbualan keluarga Melayu daripada segi kesantunan berbahasa dengan menggunakan (mengaplikasikan) Prinsip Kesopanan Leech, berdasarkan maksim-maksim yang telah dikemukakan.
- iii. Mengkaji budaya sopan santun yang wujud dalam masyarakat Melayu.
- iv. Mengkaji sistem nilai masyarakat Melayu yang cermat dalam tutur kata, beradab dalam perlakuan.
- v. Mengamati, menyelami dan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi wujudnya ciri kesantunan dalam keluarga Melayu.

- vi. Memaparkan contoh-contoh ujaran yang terbaik sebagai model ungkapan yang berhemah, santun, mulia dan terpuji.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran sebenar tentang budaya sopan santun yang menjadi amalan dan warisan dalam budaya Melayu. Sistem nilai yang diamalkan seperti ketinggian nilai budi pekerti, adab sopan, moral dan akhlak yang mulia ditampilkan melalui perlakuan dan pertuturan seseorang. Aspek kesopanan merupakan satu keperluan dalam penggunaan bahasa khususnya semasa manusia berhubung sesama mereka. Pertuturan seseorang manusia ditentukan oleh beberapa faktor iaitu jantina, umur, kelas sosial, kumpulan etnik, persekitaran, taraf pendidikan dan sebagainya. Dengan kata lain kita dapat melihat kriteria di atas apabila melihat seseorang itu bercakap. Perbezaan sosial dapat dilihat dari segi penggunaan bahasa iaitu sistem yang digunakan untuk menyampaikan makna sesuatu perkara dalam pertuturan mereka.

Percakapan boleh menandakan atau menentukan identiti sosial seseorang penutur. Laras bahasa dan kosa kata yang digunakan dalam sesuatu bahasa menggambarkan ciri-ciri sosial penutur, pendengar dan hubungan antara mereka. Setiap penutur digalakkan menyesuaikan diri dengan pasangan yang sedang bercakap, sama ada dia berkuasa atau berstatus, rakan sebaya dan juga hubungan intim. Sebenarnya melalui kefahaman makna sesuatu bahasa, bermakna kita dapat menyelami kandungan fikiran,

budaya, pemikiran, sikap, "world-view" masyarakat tersebut. Dalam konteks ini, kita dapat meneliti budaya, kepercayaan, sistem nilai, pengetahuan bangsa Melayu yang dikaji dalam perbualan mereka.

Cara bagaimana jenis struktur sesuatu bahasa itu digunakan dalam sesuatu interaksi ditentukan oleh undang-undang sosiolinguistik. Namun hal ini berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Norma atau nilai biasa sesuatu bahasa itulah nanti yang menentukan perlakuan kepada sikap, tingkah laku penutur sesuatu bahasa. Dalam hal inilah penulis akan memaparkan aspek kesopanan yang terpancar dalam perbualan masyarakat Melayu. Melalui kajian ini kita dapat melihat aspek kesopanan dalam perbualan masyarakat Melayu seperti, penggunaan kata panggilan, perilaku ketika berinteraksi, penggunaan bahasa yang lembut, nada yang lembut, mimik wajah dan sebagainya yang semuanya menjurus kepada aspek kesopanan yang menjadi identiti bangsa.

Amat Juhari Moain (1989:18) menyatakan bahawa dalam masyarakat Melayu kedudukan pangkat, jawatan, usia dan hubungan sosial antara si penyapa dengan orang yang disapa dapat ditentukan dari sudut pemilihan kata-kata yang digunakan pada masa mereka sedang berkomunikasi. Sehubungan itu seseorang penutur yang mematuhi peraturan adat, beradab, sopan akan dianggap sebagai orang yang berbudi bahasa dan orang yang bersifat demikian ini di beri nilai yang tinggi dalam kebudayaan Melayu

Dalam budaya Melayu, tersirat konsep kesantunan dan rasa hormat dalam tutur kata atau amalan berbahasa. Menjadi kelaziman masyarakat Melayu untuk mengungkapkan bahasa secara halus, penuh sopan dan tertib ketika berinteraksi antara satu sama lain. Kesantunan berbahasa dalam perbualan keluarga Melayu dapat dilihat dengan jelas dapatkan kajian di bab 4 nanti.

Dalam masyarakat Melayu hubungan di antara ibu bapa dengan anak-anak adalah berdasarkan konsep hormat dan sikap tanggungjawab terhadap satu sama lain. Orang Melayu tidak menerima hakikat yang seseorang anak tidak mematuhi ibu bapa, tidak menghormati mereka dan tidak mengambil berat tentang kebaikan ibu bapa lebih-lebih lagi ketika mereka tua dan uzur. Perbuatan seperti ini bukan sahaja bercanggah dengan ajaran agama Islam, tetapi juga bertentangan dengan tatsusila masyarakat.

Dalam masyarakat Melayu sifat menghormati ibu bapa dalam hubungan seharian dilahirkan melalui beberapa cara. Ini termasuklah menggunakan bahasa percakapan yang halus, bersopan santun dan berbudi bahasa serta tidak melakukan sesuatu yang boleh, menimbulkan kemarahan ibu bapa. Sistem nilai orang Melayu juga tidak menganggap manis jika anak-anak cuba mencampuri hal orang dewasa, baik dalam percakapan ataupun dalam perbuatan. Sebagai anak, mereka tidak boleh membantah ibu bapa atau melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kehendak ibu bapa. Mengikut kepercayaan orang Melayu umumnya, anak yang menderhaka terhadap ibu bapa tidak akan selamat baik di dunia ataupun di akhirat. Justeru anak-anak perlu diberi tunjuk ajar yang sempurna. Sebenarnya hanya didikan yang sempurna pada peringkat keluarga akan

melahirkan generasi yang berperaturan dan yang akur kepada segala tatasusila masyarakat yang disebutkan.

Akhhlak diibaratkan perhiasan bagi diri seseorang. Jika akhhlak seseorang itu rosak, maka akan rosaklah diri orang tersebut dan begitulah sebaliknya akan berlaku. Akhhlak tidak dapat dibeli atau dinilai dengan wang ringgit. Ia wujud dalam diri seseorang itu terutamanya hasil daripada didikan agama, asuhan ibu bapa dan masyarakat sekeliling. Sehubungan itulah ibu bapa perlu berusaha memberi contoh teladan dan pendidikan yang sempurna agar mereka menjadi insan yang berakhhlak mulia. Akhhlak mulia yang ditekankan mencakupi aspek luaran atau fizikal dan juga keseluruhan tingkah laku kehidupan manusia.

Setelah kemasukan Islam ke alam Melayu, masyarakat Melayu melihat agama Islam sebagai satu wadah penting dalam pembentukan peribadi. Nilai-nilai luhur yang dibawa oleh Islam amat sesuai dengan latar dan budaya rumpun bangsa Melayu. Dengan itu kehadiran Islam seiring dengan kemasukan ungkapan bahasa Arab yang rata-rata mempunyai unsur kehalusan budi dan rasa yang terkandung pada maknanya.

Mengikut Ismail Hashim (1991: 39-45), penggunaan bahasa halus yang memang sedia ada dalam budaya orang Melayu menunjukkan betapa tingginya kedudukan bahasa Melayu dalam menjaga keharmonian dalam hubungan sosial. Kepelbagai taraf dan kedudukan masyarakat memberikan ruang untuk penggunaan bahasa yang berbeza-beza bagi menunjukkan kehalusan budi antara individu.

Malah agama Islam yang menjadi anutan masyarakat Melayu telah mewajibkan umatnya agar hormat-menghormati, menjaga kemuliaan diri taulannya, keharuman namanya, kebagusian peribadinya dengan penuh keikhlasan. Ini kerana Islam sangat menyanjung tinggi penganutnya berakhlak mulia. Sebaliknya Islam melarang keras perlakuan menghina, mencela, menodai kehormatan dengan melakukan sesuatu yang boleh menjatuhkan maruah seseorang, menyebut keburukan seseorang di khalayak umum, buruk sangka pada orang lain, mengumpat dan sebagainya. Sehubungan itulah Allah telah menggariskan ketentuan-ketentuan budi pekerti yang harus dilalui oleh setiap orang. AjaranNya dijelaskan dengan terang dalam al-quran yang menggariskan panduan dan penghayatan manusia agar menentukan konsep baik dan buruk.

1.5 Kaedah Kajian

Kajian ilmiah ini menggunakan kaedah pemerhatian terhadap penutur-penutur di kalangan keluarga Melayu yang sedang berinteraksi sesama mereka dan juga dengan pihak lain yang mengunjungi mereka, sama ada dalam situasi formal atau pun tidak formal. Pengkaji telah memerhati dan meneliti sampel perbualan dan mencatat butiran perbualan. Kajian juga dilakukan dengan menggunakan kaedah perpustakaan dengan merujuk kepada kajian ilmiah yang berkaitan, teks, risalah, jurnal, artikel, akhbar dan segala macam bentuk tulisan yang berkaitan iaitu meneliti kajian yang telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji tentang bidang ini.

Data yang diperolehi adalah dengan memerhatikan perbualan yang berlangsung dalam suasana formal dan tidak formal dalam keluarga Melayu. Namun ketika pemerhatian dilakukan, sampel kajian tidak mengetahui tujuan penulis. Penulis hanya memilih **65 sampel perbualan** untuk dianalisis bagi melihat aspek kesantunan sepihama yang diutarakan melalui Prinsip Kesopanan yang dipopularkan oleh Leech.

Masalah besar yang dihadapi oleh pengkaji ialah terpaksa membuat kerja lebih bagi menukar ujaran dalam bentuk dialek ke bentuk bahasa Melayu baku. Ini kerana penutur menggunakan dialek tempatan ketika berinteraksi. Penulis memilih data (sampel kajian) dengan meneliti satu persatu untuk memahami ilokusinya serta memadankannya dengan maksim-maksim kesopanan yang diutarakan oleh Leech. Kita akan dapat melihat dari sudut pandangan kesopanan yang negatif ataupun kesopanan yang positif. Seterusnya penulis menganalisis dan membandingkan kekerapan maksim-maksim tersebut dalam data secara keseluruhannya. Akhirnya penulis akan mencari rasional maksim tersebut dengan merujuk kepada aspek kesantunan.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ilmiah ini berfokuskan kepada elemen-elemen sopan-santun yang terdapat dalam perbualan keluarga Melayu. Asas metodologi kajian ini ialah akan mengaplikasikan Prinsip Kerjasama dan Prinsip Kesopanan yang diutarakan oleh Leech dengan data yang diambil dari perbualan dalam keluarga Melayu. Penulis akan menghuraikan sama ada dalam pertuturan itu terpancar aspek kesopanan atau pun tidak.

Selain itu, penulis juga memaparkan pemikiran dan perilaku masyarakat Melayu yang menjadi amalan budaya mereka, yang mana semuanya berlangsung dalam suasana dan di atas landasan kehalusan budi bahasa.

Penulis memilih **65 sampel perbualan** daripada 30 keluarga Melayu di daerah Besut. Sampel perbualan yang menjadi data kajian ini berlangsung dalam pelbagai situasi iaitu formal dan tidak formal. Ini termasuklah situasi berehat, beriadah, waktu makan, menziarah, bertamu dan sebagainya. Sampel perbualan yang diambil sebagai data kajian ialah kumpulan penutur yang terdiri dari; perbualan antara suami-isteri, perbualan antara ayah-ibu dan anak-anak, perbualan antara adik-beradik yang terdiri daripada abang-kakak dan adik dan akhir sekali ketika berbual dengan anggota masyarakat atau dengan orang yang lebih tua, jiran, guru dan sebagainya.

Namun demikian penyelidikan dan kajian ini hanya terbatas di kalangan penutur keluarga Melayu di daerah Besut sahaja. Oleh kerana populasi yang difokuskan dalam kajian ini hanya meliputi masyarakat Melayu di Besut sahaja, adalah mustahil bagi penulis untuk mengkaji setiap orang daripada mereka. Justeru penyelidikan hanya terbatas kepada sampel perbualan yang dikaji sahaja. Jadi kemungkinan penyelidikan ini tidak dapat memberi gambaran yang jelas dan menyeluruh terhadap aspek yang dibincangkan. Oleh yang demikian adalah diharapkan pengkaji selepas ini membuat kajian yang lebih lanjut, terperinci dan menyeluruh terutama aspek kesopanan berbahasa yang digunakan dalam perbualan mereka sehari-hari.

Apabila kita bercakap soal keluarga, tidak dapat tidak kita mesti melihat peranan ibu bapa yang menjadi nadi atau teras kepada sesebuah keluarga. Ibu bapa secara langsung mempunyai pengaruh yang besar dalam pembentukan dan perkembangan nilai serta sikap anak-anak. Kanak-kanak pada mulanya mengenali segala norma hidup sama ada salah dan betul atau baik buruk sesuatu perkara itu melalui pengaruh dan bimbingan ibu bapa serta ahli keluarga yang lain.

Oleh itu ibu bapa perlu memberi perhatian yang berat dalam usaha membentuk sifat-sifat keperibadian yang tinggi dalam diri anak-anak. Pembentukan dan perkembangan sifat-sifat kerohanianlah yang akan menentukan personaliti atau watak seseorang anak itu. Di mana hal ini berkait-rapat dengan pendirian anak-anak dari segi mengamalkan adat tertib sosial secara keseluruhannya. Dengan adanya disiplin dan sifat bertanggungjawab seseorang anak itu dapat menentukan sendiri buruk baiknya sesuatu perkara atau tindakan. Mereka akan dapat menghindarkan diri daripada dipengaruhi oleh faktor persekitaran yang kurang sihat. Oleh itu ibu bapa semestinya memupuk sifat-sifat disiplin dan bertanggungjawab secara positif sejak awal lagi.

Sejak kecil lagi kanak-kanak perlu dilatih mematuhi peraturan keluarga. Misalnya waktu makan, waktu belajar, waktu bermain dan waktu sembahyang ditetapkan supaya mereka tidak lalai dan menghargai masa sepenuhnya. Disiplin yang berkesan sepatutnya menambahkan lagi kemesraan, kasih sayang dan perasaan hormat antara ibu bapa dan anak-anak. Ibu bapa perlu tegas dalam perhubungannya dengan anak-anak. Kesempatan hendaklah diberi untuk mengadakan perbincangan dan

penjelasan supaya dapat mengukuhkan lagi rasa hormat, sayang dan perasaan tanggungjawab terhadap ibu bapa.

Tegasnya di sini, didikan mengenai disiplin dan sifat bertanggungjawab akan menjadi lebih mantap dengan adanya didikan agama dan akhlak yang sempurna. Ibu bapa juga perlu memainkan peranan yang amat penting dalam menonjolkan adat tertib sosial yang boleh menjamin keyakinan diri anak-anak mereka untuk berinteraksi dengan tertib dan mengikut tatasusila yang tertatur. Misalnya cara ibu bapa bercakap, berpakaian, bergaul, melayan keluarga dan tetamu khususnya akan menjadi contoh teladan kepada anak-anak.

Contoh yang paling tepat ialah mengajar mereka bersalam dengan tetamu dan apabila berjalan di depan orang tua mestilah tunduk sebagai tanda hormat. Ibu bapa juga perlu memperkenalkan anak-anak mereka kepada tetamu terutamanya bila saudara-mara yang berkunjung ke rumah dan bukannya membiarkan anak-anak memerap di bilik sahaja. Ibu bapa juga perlu mendidik anak-anak mereka supaya pandai menghargai pemberian orang lain. Sehubungan itu ibu bapa perlu mananamkan sifat apresiasi kepada orang lain dalam diri anak-anak sebagai satu ciri bertanggungjawab dan hormat kepada orang lain, terutamanya kepada orang-orang yang lebih tua.